

ADVISORY NOTE NO. 3/2026

PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN FLEKSIBILITI TEMPOH PEMASTAUTIN (RESIDENTIAL REQUIREMENT) BAGI PROGRAM KONVENSIONAL

PENDAHULUAN

1. Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah mengeluarkan Surat Makluman MQA Bil. 9/2020 Penambahbaikan Dasar Pindah Kredit – Tempoh Pemastautin bertarikh 3 September 2020 bertujuan untuk memberikan penjelasan berhubung dengan fleksibiliti masa keberadaan pelajar dalam tempoh pemastautin.
2. Pelajar diberikan fleksibiliti keberadaan secara fizikal atau bukan fizikal di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang menganugerahkan kelayakan. Surat makluman berkenaan juga telah meminda tempoh pemastautin bagi kelayakan Ijazah Sarjana Muda tahap 6 Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) daripada satu tahun kepada satu semester.

TEMPOH PEMASTAUTIN

3. Tempoh pemastautin merujuk kepada masa keberadaan fizikal atau bukan fizikal pelajar di premis PPT yang menganugerahkan kelayakan selepas pelajar mendaftar untuk mengikuti program pengajian di PPT tersebut. Tempoh pemastautin disyaratkan kepada pelajar yang masih dalam pengajian tetapi ingin bertukar ke PPT lain untuk mengikuti program pada tahap kelayakan yang sama berdasarkan MQF. Tempoh ini penting bagi memastikan pelajar mendapat pengalaman sebenar dan pendedahan yang sewajarnya di PPT penerima yang akan menganugerahkan kelayakan dan diberikan pindah kredit secara *horizontal*. Tempoh pemastautin secara fizikal atau bukan fizikal yang berkuatkuasa semasa bagi semua tahap MQF adalah minimum satu semester.
4. Tempoh pemastautin adalah berkaitan dengan polisi pindah kredit yang berkuatkuasa dan merupakan praktis yang diterima pakai oleh badan jaminan kualiti dan universiti dalam dan luar negara.

5. Berikut adalah beberapa perbandingan pelaksanaan tempoh pemastautin yang relatifnya berkaitan dengan pindah kredit:
- i. *Achieving credit transfer at scale: An analysis of UK university policies* oleh Quality Assurance Agency for Higher Education (QAA), UK pada tahun 2024 menunjukkan PPT di UK membenarkan pindah kredit sehingga 2/3 pengajian dan selebihnya merupakan tempoh pemastautin pelajar bagi keperluan bergraduasi.
 - ii. Tertiary Education Quality and Standards Agency (TEQSA), Australia tidak membuat penetapan khusus tempoh pemastautin. Prinsip asas yang digunakan adalah berdasarkan kepada Australian Qualifications Framework (AQF) Qualifications Pathway Policy yang menggariskan keperluan prinsip-prinsip asas yang dinyatakan bagi keperluan pindah kredit. Kebanyakan PPT di Australia seperti University of New South Wales, University of Wollongong, University of Melbourne dan RMIT University menetapkan 50% kredit perlu diselesaikan di PPT yang menganugerahkan kelayakan.
 - iii. Secara umumnya universiti di Korea Selatan menetapkan sehingga 50% pindah kredit dan tempoh pemastautin selama dua tahun bagi program Ijazah Sarjana Muda.
 - iv. Kerajaan China melalui Chinese Service Center for Scholarly Exchange (CSCSE) tidak mengiktiraf kelayakan yang diperolehi melalui pembelajaran jarak jauh atau dalam talian sepenuhnya bagi program yang dilaksanakan secara konvensional. Pelajar daripada China yang mengikuti pengajian di luar negara perlu membuktikan keberadaan mereka dalam suatu tempoh masa secara fizikal melalui rekod pasport dan visa.
6. PPT merujuk kepada Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti. PPT juga merangkumi Institusi Pendidikan Tinggi/ Latihan Awam lain yang programnya telah diakredit oleh MQA. Bagi program yang dibawah kawal selia badan profesional adalah tertakluk kepada ketetapan yang dinyatakan oleh badan profesional berkaitan.

FLEKSIBILITI TEMPOH PEMASTAUTIN

7. Kebenaran tempoh pemastautin secara fizikal atau bukan fizikal kepada pelajar berdasarkan fleksibiliti yang diberikan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan MQA adalah berdasarkan faktor-faktor yang perlu diambil kira dan ditentukan oleh PPT. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. Kesesuaian bidang program yang memerlukan pelajar melaksanakan tugas/amali yang memerlukan pemantauan secara langsung daripada staf akademik atau keperluan peralatan khusus untuk amali. Program-program sedemikian memerlukan kehadiran secara bersemuka pelajar di dalam kelas atau makmal yang bersesuaian.
- ii. Kesyediaan PPT untuk menyediakan bantuan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian bagi program konvensional dapat membantu pelajar dalam pembelajaran dalam tempoh pemastautin bukan fizikal.
- iii. Integriti akademik juga perlu dipertimbangkan oleh PPT agar kelayakan yang dianugerahkan kepada pelajar telah melalui piawaian akademik yang ketat dan rapi. Antara cabaran terbesar integriti akademik adalah penggunaan *Artificial Intelligence* (AI) dalam menghasilkan esei atau tesis yang sempurna. Melalui syarat pemastautin secara fizikal membolehkan PPT beralih daripada hanya menilai hasil akhir yang boleh dijana AI kepada menilai proses pembelajaran. Manakala bagi program pasca siswazah, interaksi intelektual diantara penyelia dengan pelajar haruslah berlaku berdasarkan penetapan garis panduan akademik PPT, persetujuan diantara calon dan penyelia yang dipersetujui kedua-dua pihak dan dilaksanakan secara bermakna.
- iv. Dasar pengiktirafan negara asal pelajar juga merupakan faktor yang perlu diambil kira oleh PPT. Secara umumnya, China tidak mengiktiraf kelayakan luar negara yang diperoleh melalui dalam talian sepenuhnya bagi program mod konvensional. Pelajar daripada negara China yang belajar di luar negara termasuk Malaysia wajib membuktikan mereka berada di negara berkenaan melalui rekod pasport dan visa bagi tujuan pengesahan dan pengiktirafan CSCSE. Tanpa pengesahan ini, graduan tersebut tidak boleh memohon jawatan dalam sektor kerajaan atau bekerja di syarikat milik kerajaan.
- v. Penentuan mod pemastautin juga perlu mematuhi syarat statutori badan profesional serta peraturan imigresen dan visa pelajar bagi menjamin pengiktirafan kelayakan dan kepatuhan undang-undang. Selain itu, kehadiran secara fizikal wajar dipertimbangkan demi menjamin integriti peperiksaan berisiko tinggi (*high-stakes*), mengatasi kekangan jurang digital dan persekitaran pembelajaran pelajar, serta memastikan pembangunan kemahiran insaniah dan sahsiah yang optimum melalui interaksi sosial bersemuka.

PENUTUP

8. Fleksibiliti syarat pemastautin secara fizikal atau bukan fizikal yang telah diberikan oleh JPT dan MQA serta penambahbaikan berterusan mengenainya merupakan kemudahan yang disediakan bagi PPT di Malaysia.
9. Walau bagaimanapun, fleksibiliti ini juga perlu dilaksanakan dengan teratur serta mengambil kira faktor teknologi, keperluan bidang, pengiktirafan dan integriti akademik dalam pelaksanaannya.
10. PPT haruslah membuat pertimbangan sewajarnya berhubung penetapan keperluan syarat pemastautin sama ada dilaksanakan secara fizikal atau bukan fizikal di premis PPT selepas pelajar mendaftar untuk mengikuti pengajian.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di www2.mqa.gov.my/sppa/.

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)

6 April 2026

RUJUKAN

Agensi Kelayakan Malaysia. (2020). *Surat Makluman MQA Bil. 9/2020: Penambahbaikan Dasar Pindah Kredit – Tempoh Pemastautin*.

Australian Qualifications Framework. (2013). *AQF Qualifications Pathways Policy*.

Chinese Service Center for Scholarly Exchange. (2023). *Notice on the resumption of physical residency requirements for foreign degree authentication*.

Quality Assurance Agency for Higher Education. (2024). *Achieving credit transfer at scale: An analysis of UK universities policies*.